

PEMILIHAN BAHASA MASYARAKAT KAHWIN CAMPUR ANTARA ETNIK JAWA DAN BUGIS DI JOHOR

MOHAMMAD ALIFF NAJMI BAHARIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
aliff.najmi.baharin@gmail.com

WAN ROBIAH MEOR OSMAN*
Universiti Kebangsaan Malaysia
mowrobiah@ukm.edu.my

KARTINI ABD WAHAB
Universiti Kebangsaan Malaysia
kartini@ukm.edu.my

**Pengarang perantara*

ABSTRAK

Setiap individu mempunyai identiti kaum yang tersendiri dan bahasa merupakan aspek utama yang dilihat untuk mencerminkan identiti diri. Dalam masyarakat multilingual yang mempunyai perkahwinan campur (KC) pilihan bahasa dilihat mempunyai kepelbagaian dan keunikan. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan penelitian terhadap pemilihan bahasa (PB) dalam kalangan masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis di daerah Kota Tinggi, Johor. Kajian ini mengenal pasti PB menerusi kerangka domain Fishman (1972) dalam kalangan masyarakat KC bagi etnik Jawa dan Bugis di Kota Tinggi, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif terhadap 50 orang masyarakat yang berkahwin campur atau berketurunan KC. Analisis data kajian mendapati bahawa masyarakat ini lebih selesa menggunakan bahasa Jawa dan Bugis mengikut situasi dan keadaan masyarakat sekeliling. Kajian juga menunjukkan bahawa walaupun bahasa Jawa dan bahasa Bugis masih digunakan di Kota Tinggi, namun generasi muda yang berumur bawah 18 tahun didapati sudah tidak mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa tersebut kerana menganggapnya tidak relevan dan tidak mempunyai nilai ekonomi ekoran pengaruh dan kesan komunikasi moden kini. Hasil dapatan secara tidak langsung menunjukkan bahawa PB individu amat dipengaruhi oleh keadaan sekeliling mengikut domain yang diteliti, iaitu Melayu Johor-Riau (MJR) kerap dalam domain kekeluargaan (DKga), persahabatan dan kejiwaan serta keagamaan. Manakala bahasa Melayu Standard (BMS) pula kerap digunakan dalam domain pekerjaan dan pendidikan. Justeru, kajian ini memperlihatkan peralihan bahasa dalam masyarakat KC etnik Jawa dan Bugis yang tidak lagi memilih bahasa asal mereka sebagai bahasa interaksi utama khususnya generasi muda.

Kata kunci: Bugis; domain Fishman; Jawa; kahwin campur; pemilihan bahasa.

LANGUAGE CHOICE AMONG THE INTERMARRIAGE COMMUNITY BETWEEN JAVANESE AND BUGIS ETHNICITIES IN JOHOR

ABSTRACT

Each individual has his own racial identity and language is the main aspect seen to reflect self-identity. In a multilingual society that has intermarriage, the choice of language is seen to have diversity and uniqueness. Accordingly, this study focuses on the choice of language among the intermarriage community between the Javanese and Bugis ethnicities in the Kota Tinggi district, Johor. This study focuses on the chosen objective, which is to identify the choice of language through the domain framework of Fishman (1972) among the intermarriage community of Javanese and Bugis in Kota Tinggi, Johor. This study uses a quantitative method on 50 people from the local community who are indeed intermarried and come from mixed marriages. Analysis of the research data found that the community is more comfortable using Javanese and Bugis according to the situation and conditions of the surrounding community. The study also shows that although the Javanese and Bugis languages are still used in Kota Tinggi, the generation under the age of 18 is found to have no skills in using these languages because they consider them irrelevant and have no economic value due to the influence and impact of modern communication. The findings indirectly show that individual language choices are strongly influenced by the surrounding conditions according to the domain studied, namely Johor-Riau Malay (MJR) often in the domain of family, friendship and neighborhood as well as religion. While the Standard Malay language (BMS) is often used in the domain of employment and education. Thus, this study shows the language shift in the intermarriage society of Javanese and Bugis ethnics who no longer choose their original language as the main language of interaction, especially the younger generation.

Keywords: Bugis; Fishman's domain; Javanese; intermarriage; language choice.

PENGENALAN

Pemilihan bahasa merujuk kepada kelakuan seseorang yang memilih untuk menggunakan sesuatu bahasa, variasi bahasa, atau kod berdasarkan sasaran atau fungsi interaksi yang berlangsung. Hal ini bermakna individu membuat keputusan tentang bahasa yang akan digunakan berdasarkan pelbagai faktor seperti konteks sosial, tujuan komunikasi, faktor peribadi, serta norma sosial dan budaya (Lim, 2008). Manakala, Fishman (1972) pula menyatakan PB terjadi apabila terdapat lebih daripada satu bahasa digunakan dalam sesuatu komuniti. Komuniti terdiri daripada pelbagai latar belakang keturunan, bahasa ibunda, budaya dan cara hidup. Kajian mengenai PB mengambil kira penggunaan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. Sementara itu, Fishman (1991) menyatakan sekiranya komunikasi antara seseorang dengan mereka yang berlainan bahasa ibunda dan menggunakan bahasa yang tidak difahami bersama atau bahasa yang tidak biasa dipilih antara masyarakat berkenaan, ia akan menyebabkan komunikasi seseorang itu menjadi tidak lancar,

kurang jelas dan berlaku masalah untuk menyampaikan apa-apa maklumat kepada pendengar. KC merupakan suatu fenomena yang lazim dalam masyarakat berbilang bangsa. Di Kota Tinggi, Johor terdapat kelompok masyarakat yang KC antara etnik Jawa dan Bugis. Kelompok masyarakat ini dilihat menggunakan bahasa Jawa atau Bugis apabila berkomunikasi dengan keluarga. Namun menukar bahasanya apabila berkomunikasi dengan ahli masyarakat yang lain. Fenomena memilih bahasa yang berbeza-beza semasa berkomunikasi mewujudkan suatu situasi yang menarik untuk dikaji dengan lebih mendalam dan terperinci. Oleh hal yang demikian, kajian ini ingin meneliti PB dalam kalangan masyarakat KC khususnya di daerah Kota Tinggi, Johor dengan menggunakan kerangka domain Fishman (1972) .

TINJAUAN LITERATUR

Perbincangan kajian PB telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti Chong, Hendrikus dan Collins (2018) tentang PB komuniti Penan Muslim di Sarawak. Kajian ini menonjolkan kerumitan persekitaran sosiolinguistik di Kampung Jambatan Suai, iaitu orang Islam Penan menggunakan gabungan bahasa berdasarkan domain yang berbeza. Kajian mendapati bahawa orang Islam Penan kebanyakannya menggunakan bahasa Bintulu, mencerminkan identiti Islam mereka, dan menggunakan bahasa Penan dan Iban untuk interaksi harian. Selain itu, kajian Nurul Adila Zulkipli dan Sa'adiyah Ma'alip (2021) pula meneliti PB dalam kalangan pekerja asing di Taman Pelangi, Prai, Pulau Pinang dengan menggunakan pendekatan kaedah campuran melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Hasil penelitian menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantara yang digunakan oleh pekerja asing dalam kehidupan seharian mereka. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden lebih gemar menggunakan bahasa Melayu dalam aktiviti harian mereka, khususnya dalam domain sosial dan tempat kerja. Walau bagaimanapun, mereka cenderung menggunakan bahasa ibunda mereka dalam konteks agama. Kajian juga mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi PB pekerja asing, seperti persekitaran linguistik dan kelaziman penutur bahasa Melayu. Selain itu, kajian Khairul Ashraaf Saari dan Harishon Radzi (2023) pula meninjau PB dalam kalangan peserta Pusat Latihan dan Dakwah orang Asli, Kok Lanas berdasarkan domain Fishman (1972) dengan menggunakan kaedah soal selidik, temu bual separa berstruktur, dan teknik pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu standard, bahasa Temiar, dan dialek Kelantan merupakan bahasa pilihan dominan dalam ketiga-tiga domain, dengan bahasa Melayu standard sebagai bahasa interaksi utama kerana kefahaman yang lebih efektif. Faktor-faktor yang mempengaruhi PB termasuk rakan sebaya, masyarakat sekeliling, guru, bahan bacaan, faktor keturunan, majoriti masyarakat setempat, serta keselesaan dan kemudahan dalam bertutur.

Sementara itu, kajian Suharyo dan Nurhayati (2020) pula meneliti pemilihan dan pemertahanan bahasa Jawa dalam kalangan kaum perempuan Pesisir Rembang. Kajian berasaskan kaedah soal selidik, temu bual berstruktur, dan menganalisis data secara kuantitatif dan kualitatif telah mendapati bahawa wujud pengekal bahasa Jawa khususnya ragam krama dalam kalangan wanita pesisir pantai Rembang sebagai wadah nilai budaya dan warisan bahasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha untuk mengekalkan krama Jawa lebih berjaya di desa Rembang berbanding Rembang kota, yang kepatuhannya lebih kuat terhadap penggunaan bahasa tradisional dan norma budaya. Walaupun menghadapi cabaran seperti peralihan bahasa ke arah bahasa Indonesia, kajian ini menonjolkan kepentingan pemeliharaan bahasa melalui pendidikan dan

aktiviti kemasyarakatan untuk mencegah kepupusan bahasa dan memartabatkan kekayaan bahasa tempatan.

Kajian Nurul Syahirah Batjo & Mohamad Azlan Mis (2022) pula meneliti PB suku kaum Melanau di Mukah, Sarawak dengan menggunakan kaedah deskriptif melalui pendekatan kuantitatif yang menunjukkan bahawa masyarakat Melanau kebanyakannya menggunakan bahasa Melanau Mukah dan bahasa Melayu standard dalam domain yang berbeza, seperti komunikasi dan pendidikan harian. Faktor seperti fungsi komunikasi langsung dan struktur sosial sangat mempengaruhi PB. Seterusnya, kajian Mohamad Azlan Mis dan Nur Syafiqah Muhammad Situl (2023) memfokuskan pada sampel kajian daripada 400 kakitangan kerajaan, dengan tumpuan kepada Melayu, Cina, dan India. Penemuan kajian ini menggariskan kepentingan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu terutamanya dalam interaksi rasmi untuk memudahkan komunikasi yang berkesan.

Selain itu, Nurul Jannah Hussin dan Mohamad Suhaizi Suhaimi (2023) pula meneliti PB dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan anak-anak hasil KC antara orang Asli Jakun di Bukit Ibam, Pahang. Dengan menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk soal selidik dan temu bual, hasil kajian menunjukkan bahawa anak-anak ini lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi harian berbanding bahasa Jakun. Namun, bahasa Jakun masih digunakan oleh sesetengah individu yang berusaha mengekalkan bahasa tersebut dalam kalangan masyarakat orang asli di Bukit Ibam. Faktor-faktor yang mempengaruhi PB termasuk latar belakang etnik ibu bapa, keselesaan berbahasa, dan pengaruh persekitaran. KC turut dibahaskan dalam kajian Nur Faaizah Md Adam dan Mohd Sharifudin Yusop (2014) yang meneliti PB dalam kalangan masyarakat Jahut di Pahang, khususnya di Kampung Pian, Kuala Krau. Dapatan menunjukkan bahawa bahasa Jahut masih digunakan secara meluas dalam komuniti tersebut, walaupun terdapat pengaruh kuat bahasa Melayu. Faktor-faktor seperti interaksi dengan rakan sebaya, komuniti setempat, dan bahan bacaan memainkan peranan penting dalam PB. Teori Tipologi Keterancaman Bahasa digunakan untuk menilai status bahasa Jahut, menunjukkan bahawa usaha pemeliharaan bahasa ini masih kukuh di tengah-tengah arus globalisasi. Kajian ini memberikan pandangan mendalam tentang dinamika bahasa dalam kalangan masyarakat Jahut dan usaha mereka dalam mengekalkan identiti bahasa mereka. Selain itu, kajian ini juga menyentuh tentang pengaruh KC dalam PB. Meskipun tidak secara mendalam, kajian lain seperti yang dilakukan oleh Nurul Jannah Hussin dan Mohamad Suhaizi Suhaimi (2014) menunjukkan bahawa KC dalam kalangan orang asli Jakun di Bukit Ibam memberi kesan kepada PB anak-anak, iaitu bahasa Melayu sering menjadi bahasa utama komunikasi.

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Bagi memastikan kajian ini menepati sasaran penyelidikan, pengkaji menggunakan beberapa kaedah yang dipercayai akan menjadikan kajian lebih tepat dan berkesan berdasarkan kaedah kajian-kajian lepas.

Tatacara Pengumpulan Data

Kajian ini memanfaatkan kaedah deskriptif melalui pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang merupakan intipati utama dalam pengumpulan data terhadap


masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis di Kota Tinggi, Johor. Pengkaji telah mengedarkan sebanyak 50 borang soal selidik secara bertujuan, iaitu kepada penduduk di daerah tersebut yang mengamalkan dan berketurunan daripada KC. Kajian ini menetapkan umur minimum bagi menjawab borang soal selidik ini kepada 18 tahun dan ke atas bagi memantapkan data berkaitan penguasaan bahasa daripada etnik asal. Penghasilan soalan dalam borang soal selidik ini diilhamkan melalui kajian Muhammad Amirul Aiman Islani (2023) dan Nurul Adila Zulkipli dan Sa'adiyah Ma'alip (2021), namun diolah mengikut kesesuaian tujuan kajian menerusi kerangka domain Fishman (1972).

Analisis Data

Penganalisisan data dalam kajian ini didahului dengan menyoroti data demografi terhadap 50 orang responden berdasarkan beberapa soalan seperti jantina, umur, tahap pengajian dan tempoh menetap di daerah Kota Tinggi, Johor. Data-data demografi ini diambil bertujuan untuk mengklasifikasikan responden dalam pemboleh ubah tertentu dan memastikan responden berasal daripada keturunan atau keluarga KC. Sehubungan itu, pengkaji turut menganalisis bahagian maklumat penguasaan bahasa dengan memberikan peratusan data daripada borang soal selidik. Bahagian ini menunjukkan kemahiran responden untuk berbahasa sama ada menjadi monolingual atau multilingual dengan menguasai beberapa bahasa yang disenaraikan seperti bahasa Jawa (BJ), bahasa Bugis (BB), bahasa Melayu Johor-Riau (MJR), bahasa Melayu Standard (BMS), bahasa Inggeris (BI), bahasa Melayu Johor-Riau (MJR) + bahasa Jawa (BJ), bahasa Melayu Johor-Riau (MJR) + bahasa Bugis (BB), bahasa Melayu Johor-Riau (MJR) + bahasa Inggeris (BI), dan bahasa Melayu Standard (BMS) + bahasa Inggeris (BI). Maklumat penguasaan ini akan membuktikan sama ada penutur asal bangsa Jawa dan Bugis fasih berbahasa berdasarkan keturunan mereka atau tidak. Seterusnya, pengkaji turut menganalisis data PB dan hubungan interlokutor berasaskan lima domain utama yang digagaskan oleh Fishman (1972), iaitu domain keluarga (DKga), persahabatan dan kejiwaan, pekerjaan, pendidikan dan keagamaan. Pengkaji juga menganalisis dapatan kajian dalam bentuk jadual untuk menunjukkan peratusan penggunaan bahasa namun diubah suai mengikut lima domain utama tersebut.

Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji terletak di daerah Kota Tinggi, Johor. Daerah Kota Tinggi ialah sebuah daerah dalam negeri Johor yang merupakan daerah terbesar di negeri ini dengan keluasan 3488.7 km persegi dan ramai penduduk asal di kawasan tersebut merupakan etnik Jawa dan Bugis yang berhijrah daripada Indonesia ke Tanah Melayu. Namun, kini hanya tinggal pewaris yang sudah bercampur identiti etnik tetapi masih terdapat masyarakat yang fasih berbahasa etnik asal mereka. Ruang lingkup kajian ini juga ditumpukan kepada masyarakat etnik Jawa dan Bugis yang mengamalkan KC yang tertumpu di kawasan perkampungan yang didiami etnik Jawa dan Bugis paling ramai, iaitu terletak di daerah Kota Tinggi, Johor.



PETA 1. Peta Daerah Kota Tinggi, Johor

Sumber: <https://www.google.com/maps/place/Kota+Tinggi,+Johor>

Data Demografi Responden

Seramai 50 orang responden yang terdiri daripada masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis di Kota Tinggi, Johor telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Jadual 1 di bawah menunjukkan data demografi masyarakat tersebut merangkumi pemboleh ubah jantina, umur, tahap pendidikan dan tempoh menetap di Kota Tinggi, Johor. Analisis data demografi responden adalah seperti berikut.

JADUAL 1. Demografi Responden

Maklumat	Bilangan	%
Jantina		
Lelaki	21	42
Perempuan	29	48
Umur (Tahun)		
18-25	17	34
26-35	2	4
36-45	5	10
46-55	12	24
56 ke atas	14	28
Tahap Pendidikan		
Sekolah Rendah	8	16
Sekolah Menengah	10	20

Ijazah Sarjana Muda	26	52
Sarjana	6	12
Tempoh Menetap di Kota Tinggi (Tahun)		
Kurang 5	8	16
5-10	4	8
11-15	8	16
16-20	9	18
Sejak lahir	21	42

Sumber: Data kajian 2024

Jadual 1 di atas menunjukkan responden yang terlibat merangkumi jantina lelaki, iaitu sebanyak 42% berbanding perempuan 48%. Bagi pemboleh ubah umur pula, kategori umur antara 18 hingga 25 tahun mencatatkan 34%, 26 hingga 35 sebanyak 4%, 36 hingga 45 tahun sebanyak 10%, manakala 46 hingga 55 tahun sebanyak 24% dan kategori 56 tahun ke atas pula mencatatkan sebanyak 28%. Kategori umur 18 hingga 25 tahun telah mencatatkan peratusan tertinggi (34%) dan peratusan terendah tercatat pada kategori umur 26 hingga 35 tahun (4%) berbanding kategori umur lain.

Seterusnya, pemboleh ubah bagi tahap pendidikan pula, menunjukkan responden pada tahap pendidikan sekolah rendah menunjukkan sebanyak 16%, sekolah menengah sebanyak 20%, Ijazah Sarjana Muda sebanyak 52%, tahap Ijazah Sarjana pula mencatatkan 12% dan tahap PhD serta tiada pelajaran formal masing-masing menunjukkan tiada responden. Taburan bagi tempoh menetap di Kota Tinggi menunjukkan bahawa tempoh kurang 5 tahun dan 11 hingga 15 tahun masing-masing mencatat peratusan yang sama sebanyak 16%, tempoh 5 hingga 10 tahun sebanyak 8%, diikuti tempoh 16 hingga 20 tahun sebanyak 18% dan tempoh menetap sejak lahir pula sebanyak 42%. Bagi tempoh menetap sejak lahir telah mencatatkan peratusan tertinggi (42%) berbanding kategori tempoh yang lain.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Penguasaan Bahasa Responden KC

Bahagian ini akan mempamerkan peratusan penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis. Maklumat penguasaan bahasa ini diuji dengan meletakkan pembolehubah tahap penguasaan seperti sangat tidak fasih, tidak fasih, kurang fasih, fasih dan sangat fasih. Berikut merupakan hasil dapatan kajian berkenaan penguasaan bahasa masyarakat tersebut.

JADUAL 2. Penguasaan Bahasa Masyarakat KC

Jenis Bahasa	Sangat Tidak Fasih (%)	Tidak Fasih (%)	Kurang Fasih (%)	Fasih (%)	Sangat Fasih
Bahasa Jawa (BJ)	0%	10%	16%	32%	42%
Bahasa Bugis (BB)	4%	8%	14%	40%	34%
Dialek Melayu Johor-Riau (MJR)	0%	6%	6%	14%	74%
Bahasa Melayu Standard (BMS)	0%	2%	2%	10%	86%

Bahasa Inggeris (BI)	18%	12%	10%	36%	24%
Dialek Melayu Johor-Riau + Bahasa Jawa (MJR + BJ)	0%	12%	20%	22%	46%
Dialek Melayu Johor-Riau + Bahasa Bugis (MJR + BB)	0%	6%	24%	26%	44%
Dialek Melayu Johor-Riau + Bahasa Inggeris (MJR + BI)	18%	12%	22%	22%	26%
Bahasa Melayu Standard + Bahasa Inggeris (BMS + BI)	18%	14%	12%	20%	32%

Sumber: Data kajian 2024

Jadual 2 di atas menunjukkan peratusan penguasaan bahasa masyarakat KC bagi jenis BJ merangkumi tidak fasih sebanyak 10%, kurang fasih sebanyak 16%, fasih sebanyak 32% dan peratusan tertinggi tercatat bagi tahap sangat fasih, iaitu sebanyak 42%. Selain itu, jenis BB pula mencatatkan peratusan penguasaan bagi tahap sangat tidak fasih mencatatkan 4% paling rendah, tidak fasih sebanyak 8%, kurang fasih 14%, fasih 40% dan sangat fasih pula mencatatkan sebanyak 34%. Pencapaian bagi penguasaan bahasa ibunda berada pada tahap memuaskan kerana masih terdapat ramai yang fasih berbahasa Jawa dan Bugis. Seterusnya, bagi jenis MJR menunjukkan tidak fasih dan kurang fasih pada tahap peratusan yang sama, iaitu 6%, manakala fasih mencatatkan sebanyak 14% dan sangat fasih pula sebanyak 74%. Bagi jenis BMS pula menunjukkan peratusan di tahap tidak fasih dan kurang fasih adalah sama iaitu masing-masing mencatatkan 2%, manakala fasih sebanyak 10% dan sangat fasih 86%. Bacaan peratusan pada tahap sangat fasih bagi jenis BMS menunjukkan peratusan tertinggi berbanding jenis bahasa lain. Jenis BI pula mempamerkan peratusan bagi sangat tidak fasih sebanyak 18%, tidak fasih sebanyak 12%, kurang fasih sebanyak 10%, fasih sebanyak 36% dan sangat fasih mencatatkan sebanyak 24%.

Selain itu, bagi jenis bahasa yang dicampurkan antara dialek MJR + BJ menunjukkan tahap tidak fasih sebanyak 12%, kurang fasih sebanyak 20%, manakala fasih pula mencatatkan sebanyak 22% dan sangat fasih sebanyak 46%. Bagi jenis MJR + BB pula menunjukkan tahap tidak fasih sebanyak 6%, kurang fasih sebanyak 24%, fasih sebanyak 26% dan sangat fasih sebanyak 44%. Campuran bahasa antara MJR + BI pula menunjukkan peratusan bagi tahap sangat tidak fasih sebanyak 18%, tidak fasih sebanyak 12%, kurang fasih dan fasih mencatatkan peratusan yang sama, iaitu masing-masing 22% dan sangat fasih sebanyak 26%. Akhir sekali, campuran bahasa bagi BMS + BI menunjukkan peratusan tahap sangat tidak fasih sebanyak 18%, tidak fasih sebanyak 14%, kurang fasih sebanyak 12%, fasih sebanyak 20% dan sangat fasih sebanyak 32%.

Analisis PB Mengikut Kerangka Domain Fishman (1972)

Domain Kekeluargaan (DKga)

PB bagi DKga ini dijalankan untuk mengetahui bahasa pilihan oleh masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis ketika berada di rumah atau bersama ahli keluarga.

JADUAL 3. PB Masyarakat KC dalam Dkga

Soalan Bahasa interaksi dengan	(BJ)	(BB)	(MJR)	(BMS)	(BI)	(MJR + BJ)	(MJR + BB)	(MJR + BI)	(BMS + BI)
ibu	20%	6%	14%	14%	0%	22%	18%	2%	4%
bapa	4%	20%	10%	16%	0%	20%	24%	6%	0%
adik beradik	2%	0%	44%	14%	0%	20%	12%	6%	2%
datuk/nenek sebelah ibu	22%	8%	14%	8%	4%	26%	18%	2%	0%
datuk/nenek sebelah bapa	8%	20%	12%	8%	0%	22%	24%	4%	2%
ibu/bapa saudara	8%	2%	26%	12%	0%	34%	10%	2%	6%
anak saudara perempuan/ lelaki	0%	2%	62%	18%	2%	4%	2%	6%	4%
moyang lelaki/ perempuan	14%	6%	12%	12%	0%	30%	18%	6%	2%
sepupu	4%	6%	42%	18%	2%	12%	6%	4%	6%

Sumber: Data kajian 2024

Jadual 3 menunjukkan MJR ialah bahasa utama dan paling dominan dalam interaksi harian terutama dengan adik-beradik (44%) dan anak saudara perempuan atau lelaki (62%). Sebaliknya, BJ lebih banyak digunakan dalam interaksi dengan generasi lebih tua, seperti ibu (20%) dan datuk atau nenek sebelah ibu (22%). BB menunjukkan penggunaan yang paling ketara dalam interaksi dengan bapa (20%) dan ibu atau bapa saudara (6%), namun penggunaannya rendah dalam kategori lain, menandakan BB kurang dominan secara keseluruhan.

BMS paling tinggi digunakan dalam interaksi dengan datuk atau nenek sebelah bapa (20%) dan sepupu (14%), sementara BI menonjol dalam komunikasi dengan datuk atau nenek sebelah ibu (18%) dan ibu atau bapa saudara (14%), tetapi kurang digunakan dalam interaksi dengan adik-beradik (0%) dan bapa (0%). Campuran bahasa seperti MJR + BJ dan MJR + BB sering digunakan, terutama dalam komunikasi dengan datuk atau nenek sebelah ibu (26%) dan sebelah bapa (24%), menunjukkan kepentingan fleksibiliti dalam komunikasi antara generasi. Campuran BMS + BI kurang dominan tetapi masih relevan dalam beberapa konteks, seperti interaksi dengan ibu (4%) dan datuk atau nenek sebelah ibu (4%).

Secara keseluruhan, PB dalam masyarakat KC ini menunjukkan peralihan pilihan bahasa dalam DKga yang cenderung memilih MJR sebagai bahasa utama komunikasi harian dan campuran bahasa ketika interaksi dengan generasi lebih tua. DKga menjadi salah satu pengukur kepada pengekal identiti dan jati diri bahasa dalam sesebuah masyarakat (Muhamad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman dan Nor Fazila Ab Hamid, 2024). Oleh itu, komuniti ini dilihat mulai beralih PBnya bagi menyesuaikan diri dengan pelbagai konteks sosial dan faktor sekeliling.

JADUAL 4. PB Masyarakat KC dalam DKga bagi yang Berkahwin

Soalan Bahasa interaksi dengan	(BJ)	(BB)	(MJR)	(BMS)	(BI)	(MJR + BJ)	(MJR + BB)	(MJR + BI)	(BMS + BI)
suami/isteri	0%	0%	24%	4%	0%	32%	4%	4%	2%
anak-anak	0%	0%	58%	2%	2%	4%	4%	2%	2%
ibu/bapa mertua	8%	2%	18%	4%	2%	26%	10%	4%	0%
abang/kakak ipar	4%	2%	38%	6%	0%	10%	6%	8%	0%
menantu lelaki/ perempuan	0%	0%	58%	8%	2%	2%	2%	2%	0%
datuk/nenek mertua	14%	2%	12%	2%	2%	34%	4%	0%	4%
besan	6%	10%	14%	4%	0%	12%	2%	6%	0%

Sumber: Data kajian 2024

Jadual 4 menunjukkan bahawa MJR merupakan bahasa yang paling dominan, terutama dalam interaksi dengan anak-anak (58%) dan abang atau kakak ipar (38%). BI juga sering digunakan, khususnya dalam komunikasi dengan ibu atau bapa mertua (26%) dan menantu lelaki atau perempuan (34%). Campuran bahasa seperti MJR + BJ dan BMS + BI sering digunakan dalam pelbagai interaksi, menunjukkan fleksibiliti dan adaptasi dalam PB. Sebagai contoh, campuran MJR + BJ (32%) dan MJR + BB (24%) sering digunakan dalam interaksi dengan suami atau isteri, manakala campuran BMS + BI (34%) kerap digunakan dalam interaksi dengan datuk atau nenek mertua. BJ dan BB kurang digunakan secara eksklusif tetapi masih muncul dalam beberapa interaksi, seperti dengan menantu lelaki atau perempuan dan besan. Secara keseluruhan, jadual ini mencerminkan kecenderungan masyarakat KC bagi yang berkahwin untuk menggunakan berbagai bahasa atau kombinasi bahasa bagi menyesuaikan diri dengan konteks interaksi keluarga tertentu. Hasil kajian ini menyamai kajian Norazian Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Harishon Radzi. Ghazali (2020) yang menunjukkan dalam DKga bahasa Cham tidak digunakan secara menyeluruh dan telah berlaku peralihan bahasa Melayu dalam kalangan generasi kedua bagi kaum ini.

Domain Persahabatan dan Kejiranan

PB bagi domain persahabatan dan kejiranan ini dijalankan untuk mengetahui bahasa yang dipilih oleh masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis ketika berinteraksi dengan mereka.

JADUAL 5. PB Masyarakat KC dalam Domain Persahabatan dan Kejiranan

Soalan Bahasa interaksi dengan	(BJ)	(BB)	(MJR)	(BMS)	(BI)	(MJR + BJ)	(MJR + BB)	(MJR + BI)	(BMS + BI)
rakan-rakan sebaya	8%	0%	40%	10%	2%	18%	8%	2%	12%
rakan-rakan lebih berusia	12%	0%	36%	18%	0%	18%	6%	8%	2%
rakan yang karib	10%	2%	32%	10%	6%	20%	12%	2%	6%

rakan yang tidak karib	0%	2%	54%	24%	0%	10%	4%	4%	2%
rakan-rakan berbangsa Jawa	16%	0%	18%	12%	2%	42%	8%	0%	2%
rakan-rakan berbangsa Bugis	2%	14%	10%	10%	0%	6%	50%	8%	0%
jiran tetangga berbangsa Jawa	16%	2%	14%	10%	0%	44%	8%	2%	4%
jiran tetangga berbangsa Bugis	2%	14%	14%	12%	0%	4%	48%	4%	0%
jiran tetangga berbangsa lain	2%	0%	50%	30%	4%	2%	0%	2%	6%

Sumber: Data kajian 2024

Jadual 5 menunjukkan PB masyarakat KC dalam domain persahabatan dan kejiiran. MJR ialah bahasa yang paling dominan, terutama dalam interaksi dengan rakan-rakan tidak karib (54%) dan jiran tetangga berbangsa lain (50%), menunjukkan keutamaan bahasa ini dalam komunikasi sosial. BJ lebih banyak digunakan dalam interaksi dengan rakan-rakan berbangsa Jawa (16%) dan jiran tetangga berbangsa Jawa (16%), manakala BB menunjukkan penggunaan tertinggi dalam interaksi dengan rakan-rakan berbangsa Bugis (14%) dan jiran tetangga berbangsa Bugis (14%). BMS paling tinggi digunakan dalam interaksi dengan jiran tetangga berbangsa lain (30%) dan rakan-rakan lebih berusia (18%), sementara BI kurang digunakan dalam hampir semua kategori, dengan penggunaan tertinggi dalam interaksi dengan rakan-rakan karib (6%) dan jiran tetangga berbangsa lain (4%).

Campuran bahasa seperti MJR + BJ sangat menonjol dalam interaksi dengan rakan-rakan berbangsa Jawa (42%) dan jiran tetangga berbangsa Bugis (48%), menunjukkan kepentingan fleksibiliti dalam komunikasi antara etnik. Campuran MJR + BB paling banyak digunakan dalam interaksi dengan rakan-rakan berbangsa Bugis (50%) dan jiran tetangga berbangsa Bugis (4%), manakala campuran BMS + BI jarang digunakan, tetapi masih ada dalam interaksi dengan jiran tetangga berbangsa lain (6%) dan rakan-rakan sebaya (12%).

Keseluruhannya, PB dalam kalangan masyarakat KC ini menunjukkan variasi yang kompleks bergantung kepada hubungan sosial dan etnik rakan atau jiran, mencerminkan usaha untuk mengekalkan identiti budaya sambil menyesuaikan diri dengan konteks sosial yang berbeza. Peralihan bahasa dalam etnik KC ini juga dilihat menyamai masyarakat minoriti Narum di Sarawak yang generasi mudanya mulai beralih kepada bahasa lain yang lebih bersifat majoriti dan disebabkan oleh konteks sosial dan persekitaran (Sa'adiyah Ma'alip dan Kartini Abd Wahab, 2024).

Domain Pekerjaan

PB bagi domain pekerjaan ini dijalankan untuk mengetahui bahasa yang dipilih oleh masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis ketika berinteraksi dengan kakitangan dan majikan di tempat kerja.

JADUAL 6. PB Masyarakat KC dalam Domain Pekerjaan

Soalan Bahasa interaksi dengan	(BJ)	(BB)	(MJR)	(BMS)	(BI)	(MJR + BJ)	(MJR + BB)	(MJR + BI)	(BMS + BI)
majikan	0%	2%	10%	56%	0%	0%	0%	8%	24%
rakan yang karib	10%	0%	28%	24%	2%	8%	2%	4%	22%
rakan yang tidak karib	0%	0%	28%	54%	0%	0%	6%	8%	4%
rakan-rakan berbangsa Jawa	14%	0%	14%	22%	0%	40%	4%	8%	0%
rakan-rakan berbangsa Bugis	0%	16%	16%	14%	2%	0%	42%	4%	2%
kakitangan lain	2%	2%	16%	64%	0%	0%	0%	2%	14%
kakitangan bukan berbangsa Bugis atau Jawa	0%	2%	18%	62%	0%	0%	0%	6%	12%

Sumber: Data kajian 2024

Jadual 6 menunjukkan PB masyarakat KC dalam domain pekerjaan. Bagi bahasa interaksi dengan majikan, BMS mendominasi dengan peratusan 56%. Hal ini menunjukkan bahawa BMS ialah bahasa yang paling umum digunakan dalam komunikasi formal dengan atasan. Selain itu, kombinasi MJR + BI juga cukup signifikan dengan peratusan 24%, menunjukkan adanya penerimaan bahasa campuran ini dalam konteks formal.

Dalam interaksi dengan rakan yang karib, MJR dan BI memiliki peratusan yang tinggi, masing-masing 28% dan 24%. Hal ini menunjukkan bahawa kedua bahasa ini sering digunakan dalam komunikasi sehari-hari dengan rekan kerja yang dekat. Kombinasi MJR + BI juga memiliki peratusan 22%, menunjukkan fleksibiliti dalam penggunaan bahasa campuran ini dalam hubungan yang lebih informal. Bagi interaksi dengan rakan yang tidak karib, MJR mendominasi dengan peratusan 28%. Hal ini mungkin menunjukkan bahawa dalam situasi konflik atau ketegangan, bahasa yang lebih kerap didengar dan umum digunakan adalah pilihan utama.

Dalam interaksi dengan rakan-rakan berbangsa Jawa, kombinasi MJR + BJ memiliki peratusan tinggi, iaitu mencapai 40%. Hal ini menunjukkan bahawa kombinasi bahasa tersebut ialah pilihan umum dalam komunikasi dengan kelompok yang memiliki latar belakang bahasa Jawa. Bagi interaksi dengan rakan-rakan berbangsa Bugis, BB dan MJR memiliki peratusan yang sama, yaitu 16%. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa asli dan kombinasi MJR + BB mencapai peratusan tertinggi, iaitu 42% yang cukup umum digunakan dalam kelompok ini. Bahasa interaksi dengan kakitangan lain didominasi oleh BMS dengan 64%, menunjukkan bahawa BMS adalah bahasa utama yang digunakan dalam interaksi dengan kakitangan lain di pejabat. Kombinasi antara BMS + BI juga digunakan dengan peratusan 14% lebih kurang berbanding penggunaan MJR, iaitu 16%. Selain itu, dalam interaksi dengan kakitangan bukan berbahasa Bugis atau Jawa, BMS memiliki peratusan tertinggi, iaitu 62%, diikuti oleh MJR dengan 18% dan kombinasi BMS + BI sebanyak 12%. Hal ini menunjukkan bahawa BMS tetap menjadi bahasa pilihan utama, tetapi kombinasi bahasa juga cukup diterima.

Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa BMS dan MJR ialah bahasa yang paling dominan dalam interaksi di tempat kerja, dengan variasi dalam penggunaan bahasa lain dan kombinasi bahasa tergantung pada konteks interaksi dan latar belakang bahasa rakan kerja.

Domain Pendidikan

PB bagi domain pendidikan ini dijalankan untuk mengetahui bahasa yang dipilih oleh masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis ketika berinteraksi ketika berada di sekolah atau institusi pengajian.

JADUAL 7. PB Masyarakat KC dalam Domain Pendidikan

Soalan Bahasa interaksi dengan	(BJ)	(BB)	(MJR)	(BMS)	(BI)	(MJR + BJ)	(MJR + BB)	(MJR + BI)	(BMS + BI)
guru atau pensyarah kakitangan pejabat	2%	0%	2%	64%	0%	0%	2%	4%	26%
rakan karib berbangsa Bugis	0%	2%	4%	66%	0%	2%	0%	2%	24%
rakan karib berbangsa Jawa	0%	8%	16%	32%	2%	2%	36%	2%	2%
rakan yang tidak karib	10%	0%	14%	32%	0%	36%	4%	2%	2%
	2%	0%	20%	64%	0%	2%	0%	4%	8%

Sumber: Data kajian 2024

Jadual 7 menunjukkan BMS mendominasi dengan peratusan 64%. Hal ini menunjukkan bahawa BMS ialah bahasa utama yang digunakan dalam situasi formal dan akademik. Kombinasi BMS + BI juga cukup signifikan dengan peratusan 26%, menunjukkan bahawa kombinasi ini diterima baik dalam lingkungan pendidikan. Bahasa interaksi dengan kakitangan pejabat, BMS kembali mendominasi dengan 66%, yang menunjukkan keutamaan terhadap penggunaan bahasa standard dalam komunikasi formal. Kombinasi MJR + BI dan MJR + BB mengikuti dengan peratusan 2% dan 4%, menandakan fleksibiliti dalam penggunaan bahasa campuran di lingkungan formal. Bagi interaksi dengan rakan karib berbangsa Bugis, BB digunakan oleh 8% responden, sementara MJR digunakan oleh 16%. BMS dan kombinasi MJR + BB masing-masing digunakan oleh 32% dan 36%, menunjukkan penerimaan tinggi terhadap kombinasi bahasa ini dalam komunikasi dengan rakan berbangsa Bugis.

Dalam interaksi dengan rakan karib berbangsa Jawa, BJ digunakan oleh 10% responden, sementara MJR digunakan oleh 14%. Kombinasi MJR + BJ dan BMS masing-masing memiliki peratusan 32% dan 36%, menandakan bahawa kombinasi bahasa tersebut cukup umum dalam interaksi dengan rakan berbangsa Jawa.

Sementara itu, dalam interaksi dengan rakan yang tidak karib, BMS mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 64%, manakala MJR digunakan oleh 20% responden, sementara kombinasi BMS

+ BI, MJR + BI, dan MJR + BJ masing-masing digunakan oleh 8%, 4% dan 2%. Hal ini menunjukkan bahawa dalam situasi yang kurang akrab, terdapat variasi dalam PB, dengan beberapa preferensi terhadap kombinasi bahasa.

Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa BMS ialah bahasa utama yang digunakan dalam konteks pendidikan, terutama dalam situasi formal dan akademik. Namun, ada fleksibiliti dan variasi dalam penggunaan bahasa lain dan kombinasi bahasa tergantung pada konteks interaksi dan latar belakang bahasa rakan. Kombinasi bahasa MJR dengan bahasa lain juga cukup diterima dan digunakan dalam pelbagai situasi interaksi di lingkungan pendidikan.

Domain Keagamaan

PB bagi domain keagamaan ini dijalankan untuk mengetahui bahasa yang dipilih oleh masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis ketika berinteraksi dengan masyarakat di masjid, surau atau dalam aktiviti keagamaan.

JADUAL 8. PB Masyarakat KC dalam Domain Keagamaan

Soalan Bahasa interaksi dengan/ketika	(BJ)	(BB)	(MJR)	(BMS)	(BI)	(MJR + BJ)	(MJR + BB)	(MJR + BI)	(BMS + BI)
bilal/imam	10%	0%	48%	12%	0%	22%	4%	4%	0%
orang yang tidak dikenali	2%	0%	68%	20%	2%	4%	4%	0%	0%
di surau/masjid	4%	2%	62%	14%	0%	12%	6%	0%	0%
menyambut	4%	0%	68%	12%	4%	8%	4%	0%	0%
perayaan									
menyambut	2%	2%	62%	14%	0%	12%	4%	4%	0%
majlis keramaian (perkahwian/ kesyukuran/tahlil/ Yassin/ marhaban)									

Sumber: Data kajian, 2024

Jadual 8 menunjukkan PB masyarakat KC dalam domain keagamaan. Pertama, untuk interaksi bersama bilal atau imam, MJR mendominasi dengan peratus 48%. Hal ini menunjukkan bahawa MJR ialah bahasa utama yang digunakan dalam komunikasi dengan pemimpin agama. BMS juga digunakan dengan peratusan 12%, sementara kombinasi MJR + BJ memiliki peratusan 22%, menunjukkan bahawa bahasa kombinasi juga cukup diterima dalam konteks ini.

Bagi bahasa interaksi dengan orang yang tidak dikenali, MJR mendominasi dengan peratus 68%, menunjukkan bahawa dalam situasi keakraban rendah, MJR menjadi pilihan utama. BMS digunakan oleh 20% responden, menandakan bahawa BMS juga cukup umum dalam situasi formal dan tidak dikenali. Selain itu, bahasa interaksi ketika berada di surau atau masjid, MJR digunakan oleh 62% responden, dan BMS sebanyak 14%. Ini menunjukkan bahawa MJR dan

BMS adalah bahasa utama dalam komunikasi di tempat ibadah, dengan dominasi yang lebih besar oleh MJR. Melalui konteks bahasa interaksi ketika menyambut perayaan, MJR digunakan oleh 68% responden, dan BMS oleh 12% responden. Hal ini menunjukkan bahawa MJR adalah bahasa utama dalam situasi perayaan keagamaan, dengan kombinasi MJR + BJ digunakan oleh 8% dan MJR + BB sebanyak 4% responden, menunjukkan penerimaan bahasa kombinasi dalam konteks ini. Seterusnya, dalam interaksi ketika menyambut majlis keagamaan seperti perkahwinan, kesyukuran, tahlil, atau yassin, MJR digunakan oleh 62% responden, sementara BMS digunakan oleh 14%. Hal ini menegaskan bahawa MJR adalah bahasa utama dalam berbagai jenis majlis keagamaan, dengan kombinasi MJR + BJ menunjukkan 12% responden manakala MJR + BB dan MJR + BI digunakan oleh sebahagian kecil responden (4%).

Secara keseluruhan kajian menunjukkan bahawa MJR ialah bahasa utama yang digunakan dalam berbagai konteks keagamaan, termasuk interaksi dengan pemimpin agama, orang yang tidak dikenal, dan di tempat ibadah. BMS juga digunakan dalam beberapa konteks formal, namun dengan peratusan yang lebih rendah dibandingkan MJR. Kombinasi bahasa seperti MJR + BJ juga diterima dalam beberapa situasi, menunjukkan adanya fleksibiliti dalam penggunaan bahasa dalam konteks keagamaan. Hal ini menunjukkan masyarakat minoriti seperti etnik Bugis dan Jawa ini kehilangan autoriti dalam menuturkan bahasa ibunda mereka apabila masyarakat ini hidup di kawasan yang mempunyai masyarakat dan penutur bahasa yang lebih dominan (Muhammad Firdaus Mohd Sah dan Sharifah Raihan Syed Jaafar, 2021).

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian menunjukkan bahawa MJR dan BMS telah menjadi bahasa yang paling dominan dalam setiap domain sama ada berbentuk campuran atau tidak. Hasil kajian juga mendapati MJR banyak digunakan dalam domain kekeluargaan, persahabatan dan kejiwaan serta keagamaan. BMS pula banyak digunakan dalam domain pekerjaan dan pendidikan. Masyarakat KC antara etnik Jawa dan Bugis ini sudah tidak menggunakan bahasa asal keturunan mereka sebagai bahasa utama ketika berinteraksi dengan masyarakat sekeliling. Penelitian ini terbukti dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa bahasa Jawa dan Bugis hanya digunakan bagi berinteraksi dengan orang yang akrab seperti ibu bapa, datuk dan nenek, rakan karib berbangsa Jawa dan rakan karib berbangsa Bugis. Penggunaan bahasa asal mereka tidak sepenuhnya berdasarkan komunikasi bahasa Jawa dan Bugis sebaliknya mempunyai percampuran bahasa seperti MJR + BJ atau MJR + BB. Kecenderungan berbahasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat ini menunjukkan PB berlaku apabila berada dalam situasi yang berbeza sekaligus memaparkan keunikan masyarakat KC ini sebenarnya bersifat multilingual. PB yang berlaku berkemungkinan terjadi akibat faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi proses kebahasaan mereka dalam situasi sosial bersama masyarakat lain. Oleh itu, pengkaji mencadangkan untuk menambah baik kajian dengan meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi PB masyarakat KC supaya dapat mengesan punca PB yang berlaku.

RUJUKAN

- Chong Shin, Hendrikus Mangku & Collins J. T. 2018. Pemilihan Bahasa Komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA: Online Journal of Language Studies* 18(4), 61–80.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2020. *Kamus Dewan Perdana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fishman Joshua A. 1965. Who Speaks What Language to Whom and When? *La Linguistique* 2, 67–88.
- Fishman Joshua A. 1971. *Advances in the Sociology of Language, I: Basic Concepts, Theories and Problems: Alternative Approaches*. The Hague: Mouton.
- Fishman Joshua. 1991. *Reversing Language Shift: Theory and Practice of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Khairul Ashraaf Saari & Harishon Radzi. 2023. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Peserta Latihan dan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas Berdasarkan Tiga Domain. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 129–139.
- Lim Chin Chye. 2008. Language Choices of Malaysian Youth: A Case Study. Tesis PhD tidak diterbitkan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Azlan Mis & Nur Syafiqah Muhammad Situl. 2022. Pemilihan Bahasa dalam Situasi Rasmi Di Pejabat Kerajaan. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 22(3), 213–235.
- Muhamad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman & Nor Fazila Ab Hamid. 2024. Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Masyarakat Siam, Kedah. *Akademika*, 94(3), 481–497.
- Muhammad Firdaus Mohd Sah & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2021. Strategi Adaptasi Kata Pinjaman dalam Bahasa Bugis: Koresponden-OO. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(3), 52–77.
- Muhammad Amirul Aiman Islani. 2023. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Jawa di Pontian. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazian Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2020. Peralihan Bahasa dalam Kalangan Dua Generasi Cham Malaysia. *Akademika*, 90(2), 75–89.
- Nur Faaizah Md Adam & Mohd Sharifudin Yusop. 2014. Pemilihan Bahasa Masyarakat Jahut di Pahang. *Journal of Human Development and Communication* 3, 141–161.
- Nurul Adila Zulkipli & Sa'adiah Ma'alip. 2021. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Pekerja Asing di Taman Pelangi, Prai, Pulau Pinang. *Jurnal Melayu*, 20(1), 154–169.
- Nurul Jannah Hussin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. 2023. Pemilihan dan Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Anak Pasangan Kahwin Campur Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1), 47–56.
- Nurul Syahirah Batjo & Mohamad Azlan Mis. 2022. Pemilihan Bahasa Suku Kaum Melanau Di Mukah, Sarawak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1–15.
- Sa'adiah Ma'alip & Kartini Abd Wahab. 2024. Language Choice Among Family In Narum Speech Community. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 20(1), 140–154.

- Sa'adiah Ma'alip. 2015. Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi di Laman Sosial. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 231–246.
- Suharyo & Nurhayati. 2020. Pemilihan dan Pemertahanan Bahasa Jawa pada Kaum Perempuan Pesisir Rembang. *LITERA: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*, 19(3), 397–413.

Biodata Penulis:

Mohammad Aliff Najmi Baharin merupakan graduan dari Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini beliau bertugas sebagai guru bahasa Melayu di Sekolah Rendah Islam Ibnu Nafis di Kulai, Johor.

Wan Robiah Meor Osman merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sosiolinguistik, sosiopragmatik dan leksikografi. Beliau pernah bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Mac 2002 hingga Mac 2023.

Kartini Abd Wahab merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah linguistik (Sintaksis).